

03/09/2001

Tabung Haji wajar jual hartanah rugi

Wan Jailani Abdul Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan Tabung Haji supaya menjual hartanah yang tidak memberi pulangan yang baik bagi memantapkan pengurusannya pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, pembelian hartanah yang terlalu banyak sebelum ini menyebabkan Tabung Haji tidak mendapat pulangan yang baik.

Sehubungan itu, katanya, panel pelaburan Tabung Haji yang baru dilantik, perlu mengkaji sebelum memilih bentuk pelaburan lebih berkesan, termasuk kemungkinan menjual beberapa hartanah yang tidak memberi pulangan yang baik.

"Seperkara lagi, orang ramai beranggapan Tabung Haji seperti sebuah bank yang mana mereka mengharapkan pulangan lumayan daripada wang yang dilaburkan di Tabung Haji.

"Tabung Haji bukan sebuah bank. Ia hanyalah satu cara untuk mengutip wang bagi membolehkan orang ramai mengerjakan haji. Ia adalah tujuan utama kita menubuhkan Tabung Haji tetapi malangnya ramai menyifatkannya sebagai sebuah bank," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas meninjau beberapa projek pembangunan di pulau ini.

Mengulas pelantikan Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Bhd (ACP), Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Tabung Haji yang baru, berkuat kuasa semalam, Dr Mahathir menyifatkan beliau seorang profesional dan arif dalam perniagaan, perakaunan dan pelaburan.

"Saya yakin dia dapat memberi input yang lebih mendalam dan profesional terhadap pelaburan Tabung Haji," katanya.

Pelantikan itu sebagai memenuhi saranan Dr Mahathir sebelum itu yang mahu lebih ramai profesional dilantik bagi menukar strategi pelaburan Tabung Haji.

Mengenai lawatannya ke sini, Dr Mahathir berpuas hati dengan tahap kemajuan pembinaan kereta kabel yang menghubungkan Oriental Village dan puncak Gunung Matchinchang di Teluk Berau dan pembinaan limbungan membaik pulih kapal layar serta kapal mewah di Tanjung Lembung.

Beliau berkata, kedua-dua projek itu berjalan lancar dengan pembinaan kereta kabel dijangka dibuka pada April tahun depan dan limbungan yang mana sebahagiannya dijangka beroperasi sebelum Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi, Oktober ini.

Dr Mahathir juga kagum dengan keunikan hutan paya bakau di sepanjang Sungai Kilim ketika menyelusuri sungai berkenaan pagi ini dan menyifatkannya antara yang paling indah dan menakjubkan di dunia yang pernah dilawatinya.

Katanya, Langkawi memiliki pelbagai tarikan semula jadi yang tidak ada di tempat lain seperti Gua Tembus, terowong semula jadi di kaki sebuah bukit di Sungai Kilim yang boleh dilalui ketika air surut.

Berdasarkan kemasukan 1.1 juta pelancong ke Langkawi sehingga Julai lalu, beliau yakin pulau ini dapat menarik lebih ramai pelancong dari seluruh dunia sehingga mencecah dua juta orang.

(END)